

Headline **Bonus Tabung Haji 5 peratus**
Date **04 Feb 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **4**
Article Size **72 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **332**
PRValue **997**



Bonus Tabung Haji 5 peratus

PUTRAJAYA – Tabung Haji semalam mengisytiharkan bonus pendeposit tahunan sebanyak lima peratus bagi tahun kewangan 2009 dengan anggaran keseluruhan bayaran berjumlah RM1.1 bilion.

“Walaupun 2009 merupakan tahun yang mencabar, Tabung Haji dengan komitmen dan perancangan yang rapi masih mampu mencatat pencapaian kewangan yang boleh dibanggakan,” kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom ketika mengumumkan bonus itu di sini.

Tabung Haji, yang mengumumkan kadar yang sama pada tahun sebelumnya telah mengisytiharkan pemberian bonus interim pada kadar 2.25 peratus pada September lepas dengan jumlah bayaran RM465 juta.

“Jika dibuat perbandingan terhadap kadar purata pulangan perbankan komersial untuk simpanan tetap dan tabungan, jelas sekali pemberian bonus Tabung Haji sejak dahulu memang kompetitif,” kata Jamil Khir.

Seramai 5.1 juta pendeposit Tabung Haji akan menikmati bayaran bonus itu mulai Isnin depan.

Dana pendeposit terkumpul Tabung Haji meningkat pada kadar 12 peratus tahun lalu kepada RM23 bilion daripada RM20.6 bilion tahun 2008.

Jamil Khir percaya Tabung Haji boleh membayar bonus lebih baik untuk tahun 2010 berbanding tahun lalu memandangkan senario ekonomi semakin pulih.– Bernama